

## PEMBENTUKAN SIKAP INDIVIDU DAN KESANNYA MENURUT ISLAM

### *THE FORMATION OF INDIVIDUAL ATTITUDE AND ITS EFFECTS ACCORDING TO ISLAM*

Zulkifli Mohamed<sup>1</sup>  
Shafiza Safie<sup>2</sup>  
Muhammad Syafiq Hassan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
(E-mail: zulkifli030@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Kelantan  
(Email: shafizasafie@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Kelantan  
(Email: syafiq212@uitm.edu.my)

#### Article history

Received date : 22-11-2020

Revised date : 23-11-2020

Accepted date : 27-12-2020

Published date : 29-12-2020

#### To cite this document:

Mohamed, Z., Safie, S., & Hassan, M. S. (2020).  
Pembentukan Sikap Individu Dan Kesannya Menurut  
Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari*  
(*JOIRC*), 3(8), 7 - 22.

**Abstrak:** Islam adalah agama yang sangat menitikberatkan sikap manusia kerana ia akan menentukan kejayaan seseorang bukan sahaja di dunia malah di akhirat sana. Setelah diteliti terdapat 3 unsur utama dalam membentuk sikap manusia yang lahir daripada kebiasaan seterusnya menentukan kejayaan seseorang insan antaranya ialah pengetahuan, kemahiran dan motivasi. Ini kerana masih ramai yang tidak mengetahui ketiga-tiga unsur tersebut memainkan peranan yang penting dalam kehidupan sehingga pengaruh sikap ini dapat menentukan kejayaan seseorang menurut Islam. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana Islam memainkan peranan dalam pembentukan sikap individu dengan menjelaskan tiga unsur penting iaitu ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi serta kesannya menurut perspektif Islam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan metode pengumpulan data melalui analisis dokumen. Dengan terhasilnya kajian ini maka pengkaji dapat mengeluarkan unsur-unsur dalam membentuk sikap manusia yang memberi pengaruh dan kesan yang besar ke arah kejayaan seseorang dalam kehidupannya terutama dalam pekerjaan seharian yang dilakukan. Oleh itu, kajian ini juga dapat memberi sumbangan kepada pihak-pihak berkepentingan seperti sekolah, universiti, organisasi dan sebagainya.

**Kata Kunci:** Pembentukan Sikap, Individu, Pengetahuan, Kemahiran, Motivasi

**Abstract:** Islam is a religion that emphasizes human attitudes because it will determine one's success not only in this world but in the hereafter. After researching, there are 3 main elements in shaping human attitudes that are born out of habit and then determine the success of a human being, among them are knowledge, skills and motivation. This is because many still do not know the three elements play an important role in life so that the influence of this attitude can determine the success of a person according to Islam. Thus this study aims to find out how Islam plays a role in the formation of individual attitudes, explaining the three important elements namely knowledge, skills and motivation and its effects according to the Islamic

*perspective. This study is a qualitative study with data collection methods through document analysis. With the results of this study then the researcher can remove the elements in forming human attitudes that give a great influence and effect towards the success of a person in his life, especially in the daily work done. Therefore, this study can also contribute to stakeholders such as schools, universities, organizations and others.*

**Keywords:** *Attitude Formation, Individual, Knowledge, Skills, Motivation*

## **Pengenalan**

### **Islam Dalam Membentuk Sikap Dan Keperibadian Manusia**

Keperibadian seseorang adalah gambaran sikap yang mana ia terlahir daripada pergerakan fizikal dan juga tindak balas pemikiran seseorang terhadap situasi ataupun objek (Suit-Almasdi 1996). Allport (1954) menyatakan sikap juga adalah sesuatu yang diperolehi dari interaksi dengan manusia lain tidak kiralah dimanapun sama ada di rumah, sekolah, tempat ibadah ataupun tempat-tempat lain ia terbentuk melalui nasihat, teladan atau percakapan. Selain itu, ia juga melihat sikap adalah tafsiran dari kelakuan dan kecenderungan dalam bertindak. Kenyataan ini juga disokong oleh Krech (1962) yang menyatakan sikap adalah sebahagian dari tingkah laku.

Dewasa ini banyak kes jenayah dan keruntuhan akhlak melibatkan individu disiarkan dalam media cetak dan media sosial samada dalam sektor awam mahupun swasta. Hal ini boleh dilihat dengan indeks persepsi rasuah menunjukkan Malaysia berada pada tangga ke 51 pada tahun 2019 (Hamilye Sham Harun, 2020). Ianya terjadi kerana tabiat kebiasaan manusia yang tidak menepati kehendak Islam dalam mengharungi kehidupan sehingga menjerumuskan mereka ke lembah kehinaan ataupun ke arah yang tidak baik. Ini pastinya berpunca daripada kurangnya ilmu pengetahuan terhadap sesuatu perkara sehingga tersilap dalam bertindak disebabkan oleh tidak mempunyai kemahiran yang cukup untuk terus mengorak langkah. Ia juga boleh tercetus apabila kurangnya motivasi dalam diri seseorang untuk terus maju. Oleh itu, jika seseorang melihat sesuatu dari sudut yang betul dan positif maka ia cenderung untuk membantu, menyokong, mendekati, menerima dan menjadikannya dalam keadaan yang seimbang. Tingkah laku juga muncul oleh kerana berlakunya proses interaksi di antara keperibadian dan persekitaran yang mana merangsang tingkah laku seseorang. Rangsangan ini diterjemahkan dalam bentuk tindak balas, tindak balas ini disebut sebagai tingkah laku dan terdapat dua jenis tingkah laku iaitu yang dapat dilihat apabila adanya tindakan dan yang tidak boleh dilihat iaitu tanpa ada tindakan. Sebagai contohnya kelakuan yang dapat dilihat adalah tingkah laku yang boleh diperhatikan oleh orang lain dan tingkah laku yang tidak dapat dilihat apabila tidak dapat diperhatikan secara langsung oleh orang lain seperti pemikiran dan perasaan (Darwis Darmawan & Siti Fadjarajani, 2016: 44).

Ini seiring dengan Firman Allah SWT yang menyatakan manusia ialah sebaik-baik kejadian menerusi surah al-Tin ayat 4:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ ۚ

*Maksudnya: Sesungguhnya, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya. (Dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).*

Di sini membuktikan bahawa Al-Quran merupakan penggerak dan pencetus serta pendorong terawal umat Islam agar memperkembangkan ilmu budaya Islam dalam pelbagai bidang. Ia juga berperanan dalam memotivasikan umat Islam agar berusaha meneroka dan

membongkarkan berbagai lapangan keilmuan yang merangkumi ilmu berteraskan akal, sains tabii dan sains sosial sebagaimana kemahiran yang mereka ada. Al-Quran juga adalah kitab Allah SWT yang menjelaskan setiap sesuatu ilmu kepada manusia. Sebagaimana firman-Nya dalam Surah Yusuf ayat 111 (Zetty Nurzuliana et al., 2017).

### **Metodologi**

Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data melalui metode dokumentasi atau kepustakaan berkenaan dengan peranan agama Islam dalam pembentukan sikap individu yang baik yang lahir daripada kebiasaan iaitu antaranya melalui 3 unsur utama seperti ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi seterusnya membawa kesan pembentukan sikap yang baik oleh individu. Ini kerana sikap yang baik mampu memandu individu ke jalan kejayaan. Manakala penganalisaan data pula menggunakan metode analisis dokumen. Kitab utama yang digunakan juga dalam kajian ini iaitu Al-Adat al-Asyru li Asy-Syakhsyah an-Najihah yang dikarang oleh Dr Ibrahim bin Hamd al-Qu'ayyid yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh Fatkhurozi, Lc.

### **Unsur-Unsur Dalam Pembentukan Sikap / Keperibadian Menurut Islam**

Terdapat tiga unsur utama dalam pembentukan kebiasaan yang menjadikan sikap atau keperibadian insan bermanfaat untuk kehidupan ialah ilmu pengetahuan, keahlian yang dimiliki dan motivasi (Ibrahim bin Hamd al-Qu'ayyid: T.t). Jika dilihat melalui kaca mata Islam juga ia merupakan salah satu cara ke arah jalan menuju kejayaan.

#### **Pencerapan Ilmu Pengetahuan Oleh Individu**

Unsur pertama dalam menentukan kebiasaan seterusnya pembentukan sikap atau keperibadian ialah melalui ilmu pengetahuan. Ia juga membawa maksud seseorang tahu apa yang ingin dilakukannya (Ibrahim Hamd Al-Qu'ayyid, T.t). Hubungan antara ilmu dan agama adalah signifikan iaitu di antara Al-Quran dan al-Hadith. Ini kerana ilmu tumbuh dan berkembang berjalan seiring dengan agama. Justeru, dalam sejarah peradaban Islam sekalipun, ulama hidup rukun berdampingan dengan para ilmuwan. Bahkan banyak ditemukan para ilmuwan dalam Islam sekaligus sebagai ulama. Misalnya, Ibn Rusyd di samping sebagai ahli hukum Islam pengarang kitab *Bidāyah al-Mujtahid*, juga seorang ahli kedokteran penyusun kitab *al-Kulliyāt fi al-Thibb* (Mohammad Kosim. 2008: 124).

Al-Quran sentiasa mengajak manusia menggunakan akal fikiran dan mata hati. Al-Quran juga menggesa manusia berfikir, merenung dan mengambil iktibar daripada semua kejadian alam. Renungan yang mendalam akan membawa insan ke arah kesimpulan bahawa alam semesta ini dicipta oleh Allah SWT. Mereka ini juga dikenali sebagai Ulul Albab iaitu orang-orang yang berfikir yang mana di dalam Al-Quran merupakan manusia yang berjaya mengambil pengajaran KitabNya serta dapat mengambil pengajaran dari alam semesta dan segala penciptaan Allah SWT dengan akal dan hati yang bijaksana (Esa Khalid 2001; Mat Rofa 2006; Mohd Shadid 1994; Shaikh Mohd Saifuddeen 2010; Zaini Ujang 2009). Al-Quran menggunakan ayat pertanyaan, “Apakah kamu tidak berfikir”? “Apakah kamu tidak melihat”? “Apakah kamu tidak mendengar”? Sebagaimana dalam firman-Nya dalam Surah al-Ghasiah, 88:17-20 yang berikut maksudnya: *Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat? Tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta, bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit, bagaimana ia ditinggikan binaannya? Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi, bagaimana ia dihamparkan?* (Abdullah Basmeih, 2001).

Ini juga sebagaimana Eva Iryani (2017) menyatakan bahawa untuk menjadi orang yang berpengetahuan, bermaksud menguasai ilmu pengetahuan dan mempunyai kemampuan untuk memperoleh dan menerangkannya. Sumber ilmu pengetahuan dapat diambil menerusi melihat, memandangi, berfikir, serta mencermati fenomena-fenomena alam semesta ciptaan Tuhan yang menarik untuk diselidiki, diteliti dan dikembangkan (Eva Iryani, 2017: 75). Maka dengan sebab itulah juga, Islam tidak menghalangi kemajuan sains dan teknologi, tidak anti-teknologi, tidak akan bertentangan dengan teori pemikiran moden yang jelas dan lurus, dengan syarat mereka dianalisis dengan teliti, objektif dan tidak bertentangan dengan asas Al-Quran (Eva Iryani, 2017: 79).



**Rajah 1: Pencerapan Ilmu Pengetahuan Oleh Individu**

Selain dari kata 'pengetahuan', di dalam Al-Quran juga terdapat banyak ayat yang secara langsung atau tidak langsung, membawa kepada aktiviti ilmiah dan pengembangan pengetahuan, seperti perintah untuk berfikir, merenungkan, penaakulan, dan seumpamanya. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah ayat 123:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ۝ ١١

*Maksudnya: ... Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman diantara kamu, dan Allah (meninggikan) orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah) Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.*

Di samping al-Qur'an, dalam Hadits Nabi SAW banyak disebut tentang aktiviti ilmiah, keutamaan penuntut ilmu/ilmuwan, dan etika dalam menuntut ilmu. Misalnya, hadis-hadis yang berbunyi;

“Menuntut ilmu merupakan kewajiban setiap muslim dan muslimah”

(HR. Bukhari- Muslim)

Imam al-Ghazali dalam bukunya *Ihya 'Ulum al-Din*, dia memetik kata-kata Ibn Mas'ud: "Jika seseorang ingin memiliki pengetahuan tentang pengetahuan masa lalu dan masa depan, dia harus merenungkan Al-Quran". Oleh sebab itulah untuk medapatkan ilmu maka seseorang mestilah rajin membaca. Ini dapat dilihat menerusi surah Al-Alaq ayat 1 hingga 5.

Maka dengan sebab itulah juga manusia berbeza dengan makhluk lain contohnya binatang dan malaikat (Eka Kurniawati & Nurhasanah Bakhtiar. 2019: 81). Pengetahuan seseorang juga di pengaruhi oleh beberapa faktor seperti pendedahan terhadap pendidikan, media dan juga maklumat. Ini dibuktikan oleh hasil dapatan dari kajian Darwis Darmawati & Siti Fadjarajani pada tahun (2016) mengenai hubungan rapat di antara pengetahuan dan sikap dan ia

sememangnya menunjukkan adanya hubungan yang rapat di antara pengetahuan dan sikap manusia, di mana semakin tinggi ilmu pengetahuan seseorang itu semakin tinggi juga sikapnya terhadap kelakuan dalam sesuatu perkara. Secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa apabila manusia itu mempunyai pengetahuan tinggi maka ia juga mempengaruhi sikap seseorang yang akhirnya membawa kepada perilaku yang tinggi juga terhadap sesuatu perkara. Natijahnya, apabila semakin tinggi pengetahuan terhadap sesuatu perkara, maka ia juga akan membawa kepada semakin tinggi sikapnya, seterusnya mempengaruhi perilaku seseorang dalam melakukan perkara tersebut (Darwis Darmawan & Siti Fadjarajani, 2016: 48).

Ini juga boleh dilihat dari sudut profesion perguruan, menurut Al-Abrasyi (1974) ia menekankan bahawa guru pada setiap masa perlulah berusaha untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuannya sama ada ilmu dalam bidang yang diajarnya mahupun ilmu atau kaedah dalam menyampaikan pengajarannya. Sebagai guru juga perlulah mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan yang mendalam termasuklah ilmu yang diajarnya. Malah menurut Al-Nahlawy (1983), seseorang pendidik perlulah sentiasa mencari ilmu dan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam mata pelajaran yang diajarnya, ia tidak berhenti di situ sebaliknya guru juga perlulah menguasai pelbagai ilmu pengetahuan seperti agama, geografi, matematik, bahasa dan sebagainya. Menurut Shulman (1987) terdapat dua perkara yang menjadi asas kepada *teacher knowledge base* iaitu pengetahuan isi kandungan subjek dan juga pengetahuan mengenai pedagogi subjek. Pengetahuan berkaitan pedagogi kandungan ini adalah berkaitan dengan bagaimana seseorang guru itu dapat menyesuaikan aras pengajaran yang bersesuaian dengan kandungan mata pelajaran, yang mana ia melibatkan elemen seperti pendekatan yang digunakan, strategi, teknik, pengurusan bilik darjah, interaksi guru dgn pelajar dan juga kesesuaian bahan bantuan mengajar yang digunakan.

Jadi di sini dapatlah disimpulkan bahawa ‘ilmu pengetahuan’ amat penting dalam usaha untuk membina kebiasaan-kebiasaan atau sikap yang baru dalam setiap individu. Dengan ‘ilmu pengetahuan’ seseorang akan dapat menilai baik dan buruknya sesuatu amalan atau tindakan yang akan dilakukan. Seterusnya dengan adanya ilmu pengetahuan, ia akan mendorong seseorang itu untuk membiasakan dirinya dengan kebiasaan-kebiasaan yang baik. Seterusnya seseorang itu akan dipertanggungjawabkan di atas apa jua tindakan yang dilakukannya. Ini sebagaimana Firman Allah SWT menerusi surah Yaasin ayat 65:

Maksudnya: “*Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus) dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.*” (Surah Yasin, ayat 65)

### **Pembentukan Kemahiran Oleh Individu**

Menurut Ibrahim Hamd al-Quayyid (T.t) menyatakan bahawa apabila manusia telah berusaha mencari ilmu pengetahuan tentang sesuatu yang akan dilakukan, maka mereka mestilah melatih diri sehingga mereka mempunyai kemampuan untuk melaksanakannya. Manakala apabila adanya ilmu pengetahuan, kemahiran pula akan terbit untuk mengorak langkah agar lebih jauh lagi. Penggunaan kaedah dan strategi mestilah sesuai agar sesuatu mutu itu dapat dicapai (Imam Al-Ghazali, T.t). Jika seseorang tidak mempunyai kemahiran yang baik dan tidak berjaya untuk mengembangkannya sama ada kepada diri dan orang lain maka ianya akan menyebabkan ketidakseronokan untuk terus melakukannya dan membuatkan orang lain juga tidak berminat untuk mengikutinya (Abdul Rashid Jamian (2011), Ali Murad (2003), Kamarul Azmi & Ab. Halim (2007).



Ini kerana tiada siapa yang boleh merubah diri seseorang kecuali dirinya sendiri. Islam menuntut perubahan demi kebaikan manusia itu sendiri. Ini sebagaimana FirmanNya dalam surah ar-Ra'd ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِّن دُونِهِ مِن وَالٍ ۝ ۱۱

*Maksudnya: ".....Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendakan untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri) maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkannya itu, dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada-Nya"*

Menurut Ibrahim bin Hamd al-Qu'ayyid (T.t) seseorang insan mestilah sentiasa menguasai dengan sebaik mungkin kemahiran berkaitan bidang pekerjaan mereka agar produktiviti hasil kerja juga dapat ditingkatkan dan dapat mengembangkan serta meningkatkan potensi yang ada dalam diri yang akhirnya membawa kepada kejayaan.

Namun dalam kehidupan, ketiga-tiga unsur iaitu pengetahuan, kemahiran dan motivasi perlu seiring dan saling melengkapi barulah ianya membawa kejayaan. Contohnya seperti budak kecil yang ingin berenang sebagaimana abang atau kakaknya, maka dia akan berteriak kepada ibunya untuk turut berenang bersama abang atau kakaknya. Ini kerana budak tersebut mempunyai sedikit pengetahuan tentang berenang iaitu dengan menggerakkan kedua tangan dan kaki di dalam air di samping mempunyai semangat yang tinggi. Namun begitu, seorang ibu tidak akan membenarkannya terjadi kerana mengetahui anaknya itu masih tidak mempunyai kemahiran berenang seperti mengimbangi badan dan sebagainya meskipun ada sedikit pengetahuan berkenaan berenang dan bersemangat. Budak itu hanya akan mengetahui teknik berenang yang betul setelah dibawa mandi ke kolam renang dan di situlah dia akan belajar untuk fokus berenang, meluangkan masa untuknya, melatih dirinya dan memotivasikannya untuk menguasai teknik tersebut (Ibrahim Hamd al-Quayyid (T.t).


Oleh itu, 'sikap' akan menentukan tingkah laku seseorang dalam hubungannya dengan tindakan manusia atau kejadian-kejadian tertentu untuk menjadikan mereka mampu melakukannya. Sikap merupakan suatu keadaan yang memungkinkan timbulnya suatu perbuatan atau tingkah laku (Darwis Darmawan & Siti Fadjarajani, 2016: 41).

Oleh itu, tingkah laku manusia tidak timbul dengan sendirinya oleh kerana ia berlaku apabila di rangsang oleh rangsangan dari luar dan dalam diri seseorang. Reseptor digunakan untuk mengesan rangsangan, saraf diperlukan untuk mengkoordinasikan tindak balas dan efektor untuk melakukan tindakan tersebut yang akhirnya manusia mempunyai kemahiran untuk melakukannya (Darwis Darmawan & Siti Fadjarajani, 2016: 44).

Dalam Islam, kemahiran seseorang manusia untuk melaksanakan sesuatu 'kebiasaan yang baik' dapat dibentuk melalui empat peringkat didikan iaitu *iman*, *islah*, *itqan* dan *ihsan*. Pada peringkat penanaman *iman*, didikan bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kesedaran akan peranan dan kepentingan Islam sebagai al-din yang syumul dalam membentuk dan meneguhkan keyakinan seseorang kepada rukun-rukun Iman. Apabila sempurna *iman* seseorang, maka ia akan melahirkan kebiasaan-kebiasaan *mahmudah* dalam dirinya sebagaimana ajaran Islam. Manakala pada peringkat *islah* pula ialah di mana seseorang itu

akan berusaha untuk memperbaiki diri dan bermujahadah dengan meninggalkan kebiasaan-kebiasaan yang tidak baik dan berubah dengan mengerjakan kebiasaan-kebiasaan yang baik dalam kehidupannya sebagaimana perintah Al-Quran dalam ar-Ra'd ayat 11 di atas. Setelah itu, di peringkat *itqan* ialah peringkat latihan yang akan menolong seseorang untuk terus berusaha ke arah kesempurnaan pelaksanaan kerja seseorang, di mana akhlak dan kelakuannya akan dijurus ke arah perlakuan kerja *mahmudah* seperti beramanah, jujur, mematuhi peraturan, tidak menggunakan harta dan kemudahan pejabat demi kepentingan peribadi dan tidak mementingkan diri sendiri dalam kehidupannya. Didikan ini perlu dilakukan secara berterusan dan tidak bermusim. Ini disebabkan oleh sifat manusia yang pelupa. Peringkat terakhir ialah peringkat *ihsan* yang merujuk kepada usaha berterusan seseorang untuk membina kemahiran, mempertingkatkan prestasi dan pencapaian kerjanya dengan bersungguh-sungguh tanpa mudah berputus asa untuk mencapai kesempurnaan dalam pekerjaannya, sebagaimana sabda Nabi SAW tentang maksud Ihsan, dalam Hadith yang bermaksud, “*Kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya*”.

Perihal kemahiran ini dapat dijelaskan sebagaimana carta di bawah:



**Rajah 2: Pembentukan Kemahiran Oleh Individu**

Begitu juga dalam dunia pendidikan sebagaimana Shulman (1987) menyatakan bahawa guru harus mempunyai kemahiran mengajar meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan berkesan melalui pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran. Ini ditambah lagi peranan yang besar harus dipikul oleh guru kerana mereka bukan sahaja perlu bersedia dari aspek kemahiran mengajar dan penguasaan ilmu, malah perlu bijak menggunakan teknik motivasi yang pelbagai untuk mendorong minat pelajar seterusnya menjayakan proses pemindahan ilmu (Ali Murad, 2003). Kemahiran mengajar membolehkan aktiviti pengajaran dilaksanakan dengan teratur dan langkah demi langkah, iaitu daripada peringkat permulaan diikuti dengan peringkat perkembangan konsep dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Selain itu, pelajar-pelajar akan lebih bersemangat untuk turut sama terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi pelbagai hala akan terhasil daripada proses tersebut dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik.

Jadi di sini dapatlah disimpulkan bahawa kemahiran untuk melakukan satu ‘kebiasaan yang baik’ adalah sesuatu yang perlu dipelajari dan dilatih untuk menguasainya. Untuk mendapatkan kemahiran ini, seseorang itu perlulah meluahkan masa dan memaksa dirinya untuk fokus

mempelajari dan berlatih. Sehingga mampu mengamalkan sesuatu kebiasaan baik itu secara berterusan.

### **Pembentukan Motivasi Oleh Individu**

Menurut Ibrahim Hamd al-Quayyid (T.t) setelah manusia berhasil dalam mencari ilmu pengetahuan dan mempunyai kemampuan untuk melakukannya maka ia diteruskan pula dengan membangkitkan motivasi atau keinginan untuk melakukannya. Ini kerana seseorang yang bermotivasi akan sentiasa majukan diri dalam pekerjaannya dan menjauhi sifat malas seterusnya dengan motivasi tersebut akan membuatkan mereka naik pangkat ataupun berada pada posisi yang lebih baik dari sebelumnya. Ia juga seimbang di antara dunia dan akhirat serta seimbang antara keperluan peribadi dengan keperluan sosial sehingga masyarakat juga dapat menerima seseorang itu dengan baik di atas kejayaannya. Ini juga seiring dengan cara yang Islam gunakan dalam memberi motivasi kepada manusia iaitu melalui cara *targhib wa tarhib* ataupun melalui galakan dan ancaman. Ini sebagaimana berikut:



**Rajah 3: Pembentukan Motivasi Oleh Individu**

Ini juga sebagaimana saranan Islam dalam perihal berkait motivasi yang menggunakan galakan dan ancaman sebagai caranya. Islam menggunakan kaedah *targhib wa tarhib* ini, untuk menimbulkan motivasi agar selalu beriman kepada Allah dan RasulNya dengan membaca ayat-ayat yang menggambarkan kenikmatan Syurga, maka secara tidak langsung akan menumbuhkan satu harapan di dalam diri manusia. Justeru dari harapan inilah muncul motivasi dalam diri seseorang individu untuk mengerjakan amal soleh. Sedangkan ayat yang menggambarkan kekejaman siksa neraka, secara tidak langsung akan menimbulkan perasaan takut bagi pembacanya. Sesungguhnya orang yang beriman berada di antara dua motivasi iaitu takut dan harapan.

Skop pendidikan *tarhib* adalah seluruh kehidupan manusia, dan pelbagai sisi yang menyertakannya. Ini mendorong pengembangan akal, fizikal, emosi, sosial, dan meletakkan jalan dan kaedah yang mungkin disertakan untuk pertumbuhan ini, dalam bentuk yang disukai dan diinginkannya. Pendidikan *targhib* adalah ke arah untuk berfikir, merenungkan dan membincangkan ciptaan Tuhan. Ini adalah arahan untuk melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah dan melarang apa yang dilarang. Dalam mengamalkannya, apabila kaedah *targhib* tidak seimbang dengan *tarhib*, maka orang mengharapkan terlalu banyak pengampunan dan mereka mengimpikan pertolongan Allah untuk masuk ke syurga. Akhirnya, manusia cenderung untuk tawakkal, santai, dan mengabaikan kewajiban dan peraturan agama (Fina Surya Anggraini, 2018).



Namun, iman adalah sesuatu yang membakar hati dan disahkan oleh perbuatan. Sebenarnya ada sekelompok orang yang tertipu dengan impian mereka untuk mendapatkan pengampunan, hingga akhirnya mereka keluar dari dunia (mati) tanpa kebaikan. Mereka berkata, "Kami memberitakan (prasangka) kepada Allah." Mereka telah berbohong. Sekiranya memang mereka berdoa kepada Allah, niscaya mereka akan melakukan amal soleh (Ad-Dailami, Jilid 3, Nombor Hadis 5232, hal 404).

“Begitu juga, jika hanya menerapkan konsep *tarhib* tidak seimbang dengan *targhib*, maka orang akan putus asa untuk mendapatkan rahmat Allah dan tidak mempunyai harapan untuk masuk ke syurga. Dengan kata lain, terlalu optimis untuk mendapatkan pengampunan dan terlalu pesimis untuk mendapatkan rahmat Allah keduanya menyebabkan madharat.

Penggunaan *targhib wa tarhib* didasarkan pada anggapan bahawa tahap kesedaran manusia berbeza. Di satu pihak ada orang yang sedar walaupun hanya dengan nasihat, di sisi lain ada orang yang tidak sedar kecuali dengan rangsangan atau ancaman. Bahkan ada yang memperlakukan bukti tersebut secara *autentik* terhadap kandungan insentif dan ancaman ini. Oleh itu, bentuk rangsangan dan ancaman berbeza mengikut tahap dan watak setiap orang. Atas sebab ini, Al-Quran mengklasifikasikan bentuk rangsangan dan ancaman. Bentuk *targhib* (rangsangan) seperti dijanjikan bahawa Allah akan senantiasa berbuat kebajikan (QS. Ali Imran: 134), dijanjikan akan memperoleh kebahagiaan di dunia (QS. Yunus: 63-64) dan dijanjikan akan mendapat kenikmatan langsung dirasakan di dunia (QS. At-Talaq). Manakala bentuk *tarhib* (ancaman) pula seperti mendapat siksa langsung di dunia (QS. Al Maidah: 3), diancam hukuman di dunia (QS. At-Taubah: 74) dan diancam hukuman di neraka (QS. Al-Baqarah: 39) (Fina Surya Anggraini, 2018).

Ini seperti kaedah *targhib wa tarhib*, yang merupakan cara memberi pelajaran dengan memberikan motivasi untuk memperoleh kegembiraan jika berjaya dalam kebaikan, sedangkan jika tidak berjaya kerana tidak mengikuti petunjuk yang betul, ia akan mendapat masalah. Hal ini disebutkan dalam Al-Quran dalam surat Az-Zalzalah ayat 7-8.

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ۖ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ۗ

Maksudnya: “Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya) (7). Dan sesiapa yang berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya) (8).”

Dalam surah az-Zalzalah ayat 7-8 merangkumi semua perbuatan baik dan buruk, kerana jika Allah melihat amal yang sama beratnya dengan *dzarroh* yang dianggap sesuatu yang remeh diberikan pahala, apa lagi amalan yang lebih besar daripada itu (Fina Surya Anggraini, 2018: 153). Berkaitan dengan lafaz “*mitsqaladzarrah*”, jika dikaitkan dalam dunia pendidikan iaitu dengan proses pembelajaran, pelajar harus bersungguh-sungguh dalam belajar, belajar dari hal yang kecil hingga kepada hal yang besar, belajar dari hal yang mudah kepada hal yang susah. Hal ini disebabkan oleh Allah sangat menghargai usaha manusia sekecil mana pun usaha tersebut dan semua yang dilakukan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Segala sesuatu yang dilakukan akan ditunjukkan di hari kiamat. Oleh sebab itu hal positif yang dilakukan adalah semata untuk mengharap redha dariNya. Dalam pembelajaran diperkenalkan adanya ganjaran dan hukuman, surah az-Zalzalah ayat 7 dan 8 dijadikan pedoman umum bagaimana kaedah ganjaran dan hukuman. Jika seseorang itu prestasinya baik, maka akan mendapatkan ganjaran atau imbuhan dari gurunya. Sebaliknya, jika pelajar dari segi prestasinya menurun, maka ancaman yang ada bahawa “jika nilainya buruk, dia tidak naik kelas” dan sebagainya. Kenyataan ini mengatakan bahawa penerapan ganjaran dan hukuman dengan

*targhib wa tarhib* adalah sama, namun ia mempunyai perbezaan. Jika ganjaran dan hukuman orientasinya adalah kebaikan dunia, dan *targhib wa tarhib* orientasinya adalah kebaikan dunia dan akhirat. Maka dapat disimpulkan bahawa kaedah *targhib wa tarhib* sangat efektif dilakukan dalam pembelajaran agama Islam. Kerana dengan “khabar gembira dan ancaman” tersebut yang terdapat dalam al-Quran, diharapkan pelajar akan termotivasi untuk melakukan kebaikan, sehingga tercapai kebahagiaan dunia dan akhirat sesuai dengan tujuan Pendidikan Agama Islam. Ini sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Insyirah ayat 5-6:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۝ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۝ ٦

*Maksudnya: Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu bahawa) sesungguhnya tiap-tiap kesukaran ada disertai kemudahan (5) (Sekali lagi ditegaskan): Sesungguhnya tiap-tiap kesukaran ada disertai kemudahan.*

Ayat ini memberikan motivasi kepada pelajar untuk selalu berjuang mencapai cita-cita dan selalu optimis dalam segala persoalan, sehingga dengan pembelajaran kaedah *targhib wa tarhib*, diharapkan akan tertanam di dalam jiwa anak didik bahawa Islam adalah agama *rahmatan li alalamin* (Fina Surya Anggraini, 2018).

Metode *targhib wa tarhib* berbeza dengan kaedah ganjaran dan hukuman dari segi orientasinya. Jika kaedah ganjaran dan hukuman orientasinya kepada dunia, maka *targhib wa tarhib* berorientasi pada dunia dan akhirat (Fina Surya Anggraini, 2018: 163).

Namun begitu menurut Eka Kurniawati & Nurhasanah Bakhtiar (2018) menyatakan bahawa manusia mempunyai perasaan ataupun jiwa yang ada pasang surutnya. Justeru dengan sebab itulah motivasi penting sebagai pengisian ataupun makanan jiwa. Rivai dan Sagala (2009: 155) menyatakan bahawa motivasi merupakan sikap yang mempengaruhi seseorang. Menurut Hurlock & Elizabeth B, (2004) sesuatu perubahan itu dapat dilakukan apabila seseorang mempunyai motivasi yang kuat dari dalam dirinya sendiri untuk membuat perubahan. Sebab itulah dalam kajian (Agung Setiawan, 2013) menyatakan bahawa prestasi pekerjaan juga sangat berkait rapat dengan faktor motivasi kerja seseorang. Holil dan Sriyanto (2010) dan Purnomo (2008) menyatakan bahawa ada satu faktor yang mempengaruhi prestasi, iaitu faktor motivasi, di mana motivasi adalah keadaan yang menggerakkan seseorang untuk berusaha mencapai tujuan atau mencapai hasil yang diinginkan. Mangkunegara (2009: 166) menambah faktor motivasi harus mengandungi atau keperluan yang sangat diperlukan bagi pekerja yang ciri-ciri untuk mempunyai motivasi berprestasi tinggi seperti mempunyai tanggungjawab peribadi yang tinggi, berani mengambil risiko, memiliki tujuan yang realistic, memiliki rencana kerja yang komprehensif dan berusaha untuk merealisasikan tujuan tersebut, memanfaatkan maklum balas konkrit dalam semua aktiviti kerja yang dijalankan dan mencari peluang untuk merealisasikan rancangan yang telah disusun.

Jika di sekolah pula, keperibadian guru yang berkaitan motivasi juga sangat mempengaruhi para pelajarnya. Sifat ini memfokuskan kepada perasaan kasih dan sayang kepada para pelajar, selalu menasihati, memberi tunjuk ajar dan memberi tumpuan serta memandu pelajar untuk mengikuti nasihat. Keadaan ini memberi motivasi dan galakan terhadap idea serta cetusan pemikiran positif pelajar dalam meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dan seterusnya mendorong kepada perubahan tingkah laku pelajar atau amalan pelajar (Kamarul Azmi et al., 2009). Guru bertanggungjawab untuk mewujudkan rangsangan agar ia memberi sumbangan kepada proses pembelajaran pelajar. Menurut Shahabuddin et al. (2003), walaupun rangsangan dan gerak balas berlaku terpisah, guru dapat mengubah persekitaran kelas untuk mencipta

suasana yang lebih baik. Proses ganjaran dan peneguhan yang tekad dan konsisten juga mampu membangkitkan motivasi pelajar. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga, kajian menunjukkan bahawa guru yang tidak mencetuskan motivasi dalam pengajaran mereka akan menjadikan pelajar tidak bersemangat, bersifat pasif, membuat tugas yang diberikan kerana terpaksa dan tidak berasa seronok dalam apa yang mereka lakukan berkaitan pelajaran mereka. Keke T. Aritonang, 2008: 12). Dengan memetik pendapat Sardiman, Riduwan (2006: 200) mengatakan bahawa motivasi untuk belajar adalah kekuatan keseluruhan pendorong dalam diri pelajar menimbulkan aktiviti pembelajaran, yang menjamin kesinambungan aktiviti pembelajaran dan pemberian arahan mengenai aktiviti pembelajaran, sehingga tujuan dikehendaki oleh subjek pembelajarannya dapat dicapai. Selanjutnya, Riduwan (2006: 210) kata motivasi adalah kekuatan atau kekuatan yang timbul dari dalam diri pelajar untuk menyediakan kesediaan untuk tujuan tersebut telah ditetapkan dicapai. Semasa belajar adalah proses yang dilakukan oleh pelajar untuk mendapatkan perubahan tingkah laku lebih baik dan lebih awal hasilnya pengalaman pelajar dalam berinteraksi dengan alam sekitar. Motivasi pembelajaran pelajar merangkumi dimensi Ketekunan dalam pembelajaran, berdaya tahan dalam menghadapi kesukaran, ketajaman minat dan perhatian, pencapaian dalam pembelajaran dan berdikari dalam pembelajaran (Keke T. Aritonang, 2008: 14).

Selain itu terdapat juga kajian lain iaitu menurut Keke T. Aritonang (2008: 18) cara-cara untuk membangkitkan minat dan motivasi pelajar sesuai dengan peranan seorang guru seperti menarik perhatian pelajar, meletakkan matlamat yang jelas dan menamatkan pembelajaran yang tidak akan dilupakan oleh pelajar. Bagi langkah pertama iaitu dengan menarik perhatian pelajar, perhatian pelajar timbul kerana didorong oleh rasa ingin tahu. Rasa ingin tahu perlu dirangsang, agar pelajar memberi perhatian semasa proses pembelajaran. Rasa ingin tahu ini dapat dirangsang melalui perkara-perkara yang baru, luar biasa, berbeza dengan perkara yang ada, bertentangan atau kompleks. Perkara-perkara ini jika dimasukkan dalam rancangan pelajaran yang telah dibuat oleh guru dapat merangsang rasa ingin tahu pelajar. Perkara-perkara yang dapat menarik perhatian pelajar-pelajar ini ialah: bunyi-bunyi tertentu, sama ada wisel, loceng, lagu-lagu atau secara visual seperti mengangkat tangan.

Langkah kedua pula ialah buat matlamat yang jelas. Objektif yang jelas dapat dilakukan dengan memberikan alasan kukuh mengapa pelajar harus melakukan sesuatu yang berkaitan dengan kecekapan asas ini. Selain itu, menghubungkan bahan pembelajaran dengan keperluan dan keadaan pelajar. Motivasi pelajar akan dapat dipertahankan sekiranya pelajar berfikir bahawa apa yang dipelajari memenuhi keperluan peribadi atau berguna dan sesuai dengan nilai-nilai yang dipegang. Seterusnya ialah jelaskan harapan guru terhadap subjek yang diajar dan semasa memulakan pengajaran, jelaskan juga apa yang diharapkan oleh pelajar. Akhir sekali, gunakan petunjuk, bahasa badan yang meyakinkan, dan semangat untuk apa yang diajar. Manakala langkah terakhir pula ialah tamatkan pelajaran yang tidak akan dapat dilupakan oleh pelajar. Perkara ini perlu dilakukan agar perkara yang telah disampaikan dapat dikenang dan pelajar akan terus mempelajarinya. Perkara yang boleh dilakukan untuk membuat akhir yang tidak dapat dilupakan seperti memperhatikan waktunya, membiarkan tiga hingga lima minit untuk menutup pelajaran, kedua ialah menekankan para pelajar untuk diam selama beberapa saat untuk menyimpan maklumat yang baru mereka terima, ketiga ialah meminta pelajar menulis semula semua yang telah mereka terima hasil dari apa yang telah diajar, keempat ialah menugaskan pelajar untuk membuat rumusan secara lisan dan yang terakhir ialah kaitkan aktiviti penutupan dengan aktiviti pembukaan.

Justeru motivasi sangat penting untuk mendorong manusia supaya tidak mudah berputus asa dan ianya akan mempengaruhi sikap seterusnya membawa kepada hasil yang baik dengan

pelbagai perubahan yang dilakukan. Motivasi juga mampu membuat manusia supaya berdaya saing dan kekal positif dan berani menahuti cabaran demi mencapai kecemerlangan.

### **Kesan Pembentukan Sikap Yang Baik oleh Individu**

Faktor sikap adalah di antara punca utama yang mempengaruhi pencapaian sebagai seorang individu, pasukan, organisasi, masyarakat dan negara. Sikap baik yang didasarkan kepada nilai-nilai murni yang diamalkan akan membawa kepada natijah baik dan kejayaan kepada individu, keluarga, masyarakat, produktiviti dan negara. Sebaliknya, sikap buruk yang diamalkan akan membawa mudarat kepada individu, keluarga, masyarakat, produktiviti dan negara. Pembentukan sikap dan akhlak yang baik ini menjadi tujuan diutuskan rasul kepada umat manusia. Keadaan ini sesuai dengan sabda Baginda Nabi SAW menerusi riwayat al-Bukhari dalam al-Adabul Mufrad no. 273 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”*

Sikap dan akhlak seseorang akan tergambar di dalam kebiasaan-kebiasaan yang diamalkan secara berterusan. Maka ia akan membentuk satu personaliti. Pembentukan sikap, akhlak, kebiasaan dan amalan baik ini perlu diurus secara menyeluruh oleh seluruh unit dalam masyarakat lantaran kebaikan yang banyak yang akan terpancar dari akhlak yang mulia ini. Pembentukan sikap yang baik dalam individu akan membawa manfaat kepada diri mereka sendiri. Antara kesan daripada sikap yang baik ini dapat dilihat samada kepada individu, keluarga, masyarakat, produktiviti dan negara.

### **Individu**

Kesan daripada pembentukan sikap yang baik ke atas individu ialah apabila seseorang individu dapat mencerap sesuatu ilmu pengetahuan dengan baik dan akan mengeluarkannya daripada seseorang yang tidak mengetahui kepada orang yang mengetahui. Ini juga seiring dengan firman Allah SWT dalam surah Az-Zumar ayat 9 yang bermaksud:

*Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran".*

Ini kerana kebaikan apabila seseorang mempunyai ilmu pengetahuan, maka sikap yang negatif dapat dikikis dan dijauhi. Ini sebagaimana Darwis Darmawan & Siti Fadjarani (2016: 39) menyatakan bahawa jika seseorang itu kurang pengetahuan terhadap sesuatu perkara maka ia akan membawa kepada sikap yang negatif dan akan membawa masalah kepada orang lain (Darwis Darmawan & Siti Fadjarani, 2016: 39). Selain itu Al-Nahlawy (1983) juga menyatakan seseorang akan dihormati dan dipercayai oleh manusia apabila mempunyai pengetahuan yang baik sebagaimana pendidik dan pelajar dalam pengajian yang dijalankan.

Individu yang mempunyai sikap yang baik terutama apabila dihubung jalin secara bersama ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi akan berjaya di dalam kerjayanya. Sebagai contoh, kebiasaan menguruskan masa dengan baik, rajin berusaha, tidak mudah putus asa, menjaga kebersihan, cara kerja yang sistematik, hormat menghormati, jujur serta amanah akan membawa kepada produktiviti kerja yang baik, suasana hubungan sosial yang mesra, saling dipercayai dan semangat bekerjasama.

### **Keluarga Dan Masyarakat**

Pembentukan sikap yang baik juga akan membawa kepada kebahagiaan kepada pemiliknya dan juga orang disekitarnya samada mereka sebagai anak-anak, pasangan, rakan sekerja, jiran tetangga, pelanggan dan ahli masyarakat. Ini seterusnya membawa kepada sikap saling

memberi salam, bertegur sapa, tolong menolong, hormat menghormati, ziarah menziarahi dan berlapang dada di atas perbezaan dan bekerjasama di atas persamaan akan mewujudkan suasana harmoni di dalam kehidupan, peribadi, keluarga, pasukan dan masyarakat.

Penghayatan sikap yang baik juga akan membawa kepada suasana keselamatan dan keamanan dalam kehidupan keluarga dan masyarakat. Sikap tidak mementingkan diri sendiri dan menghormati hak orang lain, mengutamakan keperluan saudara dan jiran, simpati dan empati sesama manusia dan adil dalam pergaulan dan pengurusan akan membawa kepada suasana saling menghargai dan kasih sayang. Seterusnya masyarakat akan dapat hidup dalam keadaan aman dan sentosa yang membawa kepada kemakmuran dalam kehidupan masyarakat.

### **Produktiviti**

Nilai-nilai positif dan baik yang diamalkan oleh setiap individu akan meningkatkan produktiviti diperingkat individu, pasukan, organisasi dan negara. Amalan pembudayaan ilmu, pembentukan akhlak mulia, jujur dan amanah dalam bekerja, bermusyawarah, berinovasi, saling menjaga kebajikan pekerja dan majikan, bermotivasi dan cekap dalam operasi serta pengurusan akan meningkatkan produktiviti dalam perusahaan. Ini kerana menurut Eka Kurniawati & Nurhasanah Bakhtiar (2018) menyatakan dengan adanya motivasi akan membuatkan seseorang terus bersemangat dan positif dalam melakukan sesuatu perkara. Hasilnya akan membuatkan seseorang mempunyai motivasi kerja sehingga mendapat prestasi yang tinggi (Agung Setiawan (2013: 1246). Ini sebagaimana Ali Murad (2003) menegaskan bahawa seseorang mestilah mempunyai ilmu dan kemahiran serta menguasai motivasi dengan baik agar mendapat hasil yang lebih bermutu dan cemerlang.

### **Negara**

Apabila budaya pengintegrasian antara ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi disatukan maka ia akan membawa kepada kemajuan negara. Sikap positif individu juga akan membawa kepada kemajuan dan kemakmuran dalam negara. Pemimpin dan rakyat saling mengamalkan nilai-nilai baik dan positif sebagaimana yang anjurkan Islam dan sesuai dengan nilai-nilai kemanusiaan akan membawa kepada keseimbangan dalam kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat. Nilai-nilai murni akan disuburkan dan nilai buruk dalam masyarakat perlu diubati dengan penyebaran ilmu dan kesedaran, kemahiran melalui bimbingan dan pemupukan motivasi dengan ganjaran dan galakan. Sekiranya perlu penguatkuasaan undang-undang akan dilakukan. Urusan pembentukan sikap yang baik secara menyeluruh oleh setiap lapisan masyarakat ini akan menatijahkan kemajuan dan kemakmuran dalam negara. Ini seiring dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Saba ayat 15. Ketiga-tiga unsur ini iaitu ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi dapat dilihat pada diri Rasulullah SAW sebagai ikutan terbaik buat manusia.

Baginda Rasulullah SAW telah memulakan proses pembentukan nilai akhlak manusia seawal permulaan dakwah baginda sehinggalah baginda wafat yang mengambil masa selama 23 tahun. Nilai-nilai keimanan telah menjadi dasar dalam pengaturan hidup peribadi dan masyarakat, pengurusan ekonomi, pentadbiran negara dan hubungan antarabangsa. Semuanya dalam lingkup menerapkan nilai-nilai akhlak mulia sesama manusia.

### **Hasil Dapatan Kajian**

Setelah dikaji dan diteliti terdapat tiga (3) unsur yang mempengaruhi proses pembentukan sikap atau keperibadian seseorang di dalam Islam adalah berkaitan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi. Ini dapat diringkaskan seperti rajah di bawah:





**Rajah 4: Hasil Dapatan Kajian**

Unsur ‘ilmu pengetahuan’ adalah perkara pertama yang perlu ditanamkan dalam diri seseorang dalam usaha pembentukan sesuatu sikap atau kebiasaan. Unsur ini diperolehi dengan melihat, memandang, mendengar, merenung, berfikir dan menaakul untuk mengambil pengajaran. Seterusnya seseorang perlu diberikan kemahiran untuk mengamalkan sesuatu kebiasaan yang baik itu. Kemahiran untuk mengamalkan kebiasaan yang baik ini dapat diterapkan oleh pendidik dengan memberikan contoh yang baik kepada anak didik mereka dengan menerapkan nilai-nilai keimanan, menyuburkan sifat islah (pembaikan diri), profesionalisma (itqan) dan kesempurnaan (ihسان) dalam diri individu.

Setelah itu mereka perlu diberikan motivasi untuk mengamalkan kebiasaan yang baik ini. Motivasi boleh diberi dengan menggunakan kaedah galakan (targhib) dan peringatan (tarhib). Menggunakan kaedah targhib akan memberikan semangat beramal kepada mereka manakala menggunakan kaedah tarhib akan mencegah mereka dari mundur ke belakang dalam beramal. Kesemua faktor-faktor ini, iaitu ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi amat penting dalam membina sesuatu kebiasaan yang baik dalam diri. Jika salah satunya tidak saling melengkapi maka ianya tidak akan membawa keseimbangan dan akan pincanglah keperibadian insan itu.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya ketiga-tiga unsur yang membentuk kebiasaan seterusnya sikap yang baik iaitu ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi sememangnya merupakan perkara yang penting di dalam Islam. Ini kerana peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga unsur yang saling menguatkan ini akan dapat menentukan kejayaan seseorang. Hal ini dapat dilihat menerusi dalil-dalil dari sumber Islam yang menganjurkan agar manusia mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Natijahnya kebiasaan yang baik itu akan memberi kesan yang baik juga ke atas pembentukan diri di peringkat individu, keluarga, pasukan, masyarakat dan negara agar memperoleh kejayaan sama ada di dunia mahupun di akhirat.

## Rujukan

- Al-Quran Al-Karim
- Al-Bukhari. 2005. *Kitab Adab Al Mufrad*. Dar Al-Hadis Kairo.
- Abī Zakariā Yahyā ibn Syarf al-Nawāwī, 2018, *Riyād al- Shālihīn*, (Kairo; al-Maktabah al-Salafiyah, 2001), hlm. 710.No. 1 Februari 2018
- Agung Setiawan. 2013. *Pengaruh Disiplin Kerja Dan Motivasi Terhadap Kinerja Karyawan Pada Rumah Sakit Umum Daerah Kanjuruhan Malang*. Jurnal Ilmu Manajemen | Volume 1 Nomor 4 Juli 2013.
- Al-Abrasyi, Mohd. Atiyyah. 1974. *Dasar-dasar pokok pendidikan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang. Jakarta, Indonesia.
- Allport, G.W. 1954. *Hand Book of Social Psychology*. Cambridge: Addison-Wesley Publishing Company. Inc.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. t.th. *Ihya' ulum al-din*. Jil 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyah, Mesir.
- Ali Murad & Yahya Hasan. 2003. *Adab al- 'alim wa al-muta'alim 'inda al-mufakkirin almuslimin min muntasif al-qarn al-thani al-hijriy wa hatta nihayah al-qarn al-sabi'*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Lubnan.
- Al-Nahlawy, Abd. Rahman.1983. *Usul altarbiyyah al-islamiyyah wa asalibiha fi al-bait wa al-madrasah wa al-mujtama'*. Beirut: Dar al-Fikri.
- Azyumardi Azra, *Pendidikan Islam; Tradisi dan Modernisasi Menuju Millenium Baru*, (Jakarta: Logos, 1999), hlm. 13.
- Darwis Darmawan & Siti Fadjarajani, 2016. *Hubungan Antara Pengetahuan Dan Sikap Pelestarian Lingkungan Dengan Perilaku Wisatawan Dalam Menjaga Kebersihan Lingkungan*. Jurnal Geografi. Volume 4 Nomor 1 April 2016.
- Eva Iryani. 2017. *Al-Quran Dan Ilmu Pengetahuan*. Jurnal Ilmiah Universitas Batanghari Jambi Vol.17 No.3.
- Hamilye Sham Harun, (10 Februari 2020), *Indeks Persepsi Rasuah Bukti Inisiatif Berhasil*, Berita Harian.
- Holil, Muhammad dan Sriyanto, Agus. 2010. *Pengaruh Motivasi dan Disiplin Kerja Terhadap Kinerja Pegawai (Studi Kasus Kantor Pelayanan Pajak Badan Usaha Milik Negara)*. Jurnal Manajemen 5 (1): 22-38.
- Hurlock, Elizabeth B, *Psikologi Perkembangan Suatu Pendekatan Sepanjang Rentang Kehidupan*, (Jakarta: Erlangga, 2004).
- Ibrahim bin Hamd al-Qu'ayyid. (T.t). *Al-Adat al-Asyru li Asy-Syakhsiyah an-Najihah*. Dar al-Ma'rifah li at-Tanmiyah al-Basyariyyah-Riyadh. Terj: Fatkhurozi & Hilmi Akmal. (2005). *10 Kebiasaan Manusia Sukses Tanpa Batas*. Jakarta: Maghfirah Pustaka.
- Kamarul, A. J., & Ab. Halim, T. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Penerbit UTM, Skudai, Johor, Malaysia.
- Kamarul, A. J., Ab. Halim, T., & Mohd Izham, H. 2009. *Sifat Dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Dan Hubungannya Dengan Motivasi Pelajar*. Jurnal Teknologi, 51(E):57-71.
- Kassim Tusin. 2010. *Kualiti Diri Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Sabah*. Tesis PhD, Universiti Malaysia Sabah.
- Keke T. Aritonang. 2008. *Minat dan Motivasi dalam Meningkatkan Hasil Belajar Siswa*. Jurnal Pendidikan Penabur- No.10/Tahun ke-7/Juni 2008.
- Krech, D. 1962. *Teori-teori Dasar Tentang Tingkah Laku Sosial*. Terjemahan oleh Wahjoedi. *Penyelenggaraan Pendidikan Pasca sarjana, Proyek Peningkatan Perguruan Tinggi*. IKIP Malang.
- Mangkunegara, A. A. Anwar Prabu. 2009. *Manajemen Sumber Daya Manusia Perusahaan*. Bandung: Remaja Rosda Karya.

- Purnomo, Joko. 2008. *Pengaruh Kepemimpinan, Motivasi dan Lingkungan Kerja Terhadap Kinerja Pegawai Negeri Sipil Pada Disas Kehutanan dan Perkebunan Jepara*. Jurnal Daya Saing 5 (1): 25-41.
- Rivai. H. Veithzal dan Sagala, Ella Jauvani. 2009. *Manajemen Sumber Daya Manusia untuk Perusahaan Dari Teori ke Praktik Ed. Kedua*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Shahabuddin, H., Rohizani, Y., & Mohd. Zohir, A. 2003. *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd, Pahang, Malaysia.
- Shulman, L. 1987. *Knowledge and teaching: Foundation of new reform*. Harvard Educational Review, 57(1):1-22.
- Suit-Almasdi, J. 1996. *Aspek Sikap Mental dalam Manajemen Sumber Daya Manusia*. Ghalia Indonesia.
- Suriasumantri, Jujun. 1996. *Filsafat Ilmu: Sebuah Pengantar Popolar*. Jakarta; Penerbit Pustaka Sinar Harapan.
- Veronica A. Kumurur. 2008. *Pengetahuan, Sikap Dan Kepedulian Mahasiswa Pascasarjana Ilmu Lingkungan Terhadap Lingkungan Hidup Kota Jakarta*. EKOTON Vol. 8, No.2:1-24, Oktober 2008.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Ab.Halim Tamuri, Mohd Izzudin Pisol, Mohd Faez Ilias, Siti Suhaila Ihwani. 2017. *Peranan Al-Quran Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan Dan Hubungannya Dengan Sains*.
- Fina Surya Anggraini. 2018. *Tarhib Wa Tarhib Perspektif Al-Quran*. Inovatif: Volume 4, Sayid ‘Alawī ibn ‘Abbās al-Mālikī, Fath al- Qarīb al-Mujīb ‘ala Tahdzīb alTarghīb wa al-Tarhīb, (Mekah; t.p, t.t), hlm. 40.